

• Karnival Muzik dan Sukan 2024

Ebuyo VT, UBT juara



TAHNIAH... Para pemenang dan pihak pengajar bergambar bersama selepas majlis penyampaian hadiah bagi Pertandingan Bola Tampar sempena KAMUS 2024.

EBUYO VT dan Universitas Borneo Tarakan (UBT) dinobatkan juara pada pertandingan bola tampar kategori lelaki dan wanita sempena Karnival Muzik dan Sukan 2024 (KAMUS 2024) yang diadakan di sebuah sekolah rendah di Bintulu, baru-baru ini.

Dengan kemenangan itu, kedua-dua pasukan itu menerima trofi, pingat, dan wang tunai sebanyak RM1,500.

Kejohanan adalah kerjasama Kemen-

terian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP) dan Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB), Bintulu Port Holdings Berhad, Konsortium Universiti Universitas Borneo dan Remix Technologies.

Pertandingan yang berlangsung selama dua hari itu melibatkan 16 pasukan lelaki dan 14 pasukan wanita dari pelbagai lokasi, termasuk Bintulu, Miri, Sibu, Mukah, Kuching, dan beberapa universiti

dari Indonesia.

Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Pengarah Program KAMUS 2024, Mohammad Thaqif Tong.

Dalam kategori lelaki, pasukan Elite VT yang muncul sebagai naib juara membawa pulang trofi, pingat, dan wang tunai sebanyak RM1,000.

Sementara, tempat ketiga bersama dimenangi oleh PRVC dan UNIMAS

Falcon, dengan setiap pasukan menerima trofi, pingat, dan wang tunai sebanyak RM600.

Bagi kategori wanita pula, naib juara dimenangi oleh UNIMAS Falcon, sekali gus membawa pulang trofi, pingat, dan wang tunai sebanyak RM1,000.

Tempat ketiga bersama pula dirangkul oleh PDRM Sibu dan Cafendi, dengan setiap pasukan menerima trofi, pingat, dan wang tunai sebanyak RM600.